# KEPUTUSAN MESYUARAT SENAT KE-240 BIL. 1/2026
# UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

**TARIKH : 22 JANUARI 2026 (KHAMIS)**
**MASA : 9.00 PAGI HINGGA 12.00 TENGAH HARI**
**TEMPAT : DEWAN SENAT CANSELERI TUN ABDUL RAZAK, UMPSA PEKAN**

<table>
<tr><th>Perakuan<br>Majlis Bawah Senat</th><th>Keputusan Mesyuarat Senat</th></tr>
<tr><td>MPPA<br>Ke-170 Bil. 2/2026 (Khas) bertarikh 12 Januari 2026</td><td>
4.1.10 Cadangan Kalendar Akademik Bagi Sesi Akademik 2026/2027<br><br>
Mesyuarat<br><br>
(a) mengambil maklum:<br><br>
(i) Kalendar akademik sesi 2026/2027 yang disediakan adalah merujuk kepada Buku Peraturan dan Panduan Akademik Program Prasiswazah UMPSA, tarikh-tarikh cuti umum dan hari kelepasan am di Malaysia serta jadual kerja bagi kemasukan pelajar ke Universiti Awam (UA) bagi sesi akademik 2026/2027 seperti surat yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi bertarikh 3 Disember 2025.<br><br>
(ii) Kalendar akademik bagi sesi akademik 2026/2027 adalah terdiri daripada kalendar akademik bagi program Asasi serta Diploma (kemasukan Julai 2026) dan kalendar akademik bagi program Sarjana Muda, Sarjana Kerja Kursus & Campuran, Sarjana Penyelidikan dan Doktor Falsafah (kemasukan September 2026<br><br>
(iii) JHEAA telah mengadakan 3 siri mesyuarat seperti ketetapan dibawah bagi mendapatkan maklum balas/pandangan terhadap cadangan kalendar akademik ini:<br><br>
<table>
<tr><td>1</td><td>Mesyuarat Penyelarasan Kalendar Akademik Bersama Pusat Pengurusan Akademik, Institut Pengajian Siswazah & Pusat Pemasaran & Kemasukan Akademik</td><td>18 Disember 2025</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Mesyuarat Penyelarasan Kalendar Akademik Bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa) dan Pentadbiran JHEAA</td><td>6 Januari 2026</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Mesyuarat Penyelarasan Kalendar Akademik Bersama Pusat Pengurusan Akademik, Institut Pengajian Siswazah & Pusat Pemasaran & Kemasukan Pelajar, JHEPA dan Majlis Perwakilan Pelajar</td><td>9 Januari 2026</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

**(b) bersetuju:**

(i) **meluluskan** cadangan kalendar akademik program Asasi bagi sesi akademik 2026/2027 seperti di perincian Lampiran 1.

(ii) **meluluskan** cadangan kalendar akademik program Prasiswazah bagi sesi akademik 2026/2027 seperti di perincian Lampiran 2.

(iii) **meluluskan** cadangan kalendar akademik program Pascasiswazah bagi sesi akademik 2026/2027 seperti di perincian Lampiran 3.

(iv) memberikan tambahan satu (1) hari **cuti gantian*** kepada pelajar bersempena perayaan utama di Malaysia sekiranya tarikh perayaan jatuh pada minggu kuliah/peperiksaan seperti berikut:

a. Hari Raya Aidilfitri – 10 Mac & 11 Mac 2027 (Rabu & Khamis), Cuti tambahan gantian – 12 Mac 2027. (Jumaat).

***Cuti gantian:** Bermaksud fakulti/pusat pengajian diminta untuk menangguhkan kuliah/peperiksaan dan perlu diganti pada hari lain yang bersesuaian.

(v) **menangguhkan peperiksaan bagi pelajar Diploma & Sarjana Muda pada 22 Januari 2027 (Jumaat) iaitu bersempena Hari Thaipusam**, manakala bagi pelajar Asasi dicadangkan untuk ditangguhkan kelas pengajaran dan pembelajaran (PdP).

(vi) **Perubahan mod pembelajaran kepada dalam talian** pada:

a. 28 September hingga 2 Oktober 2026 (Isnin sehingga Jumaat) bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan dan pengemasan (housekeeping) asrama.
b. 10 hingga 13 November 2026 (Selasa sehingga Jumaat) sempena Hari Deepavali pada 8 dan 9 November 2025.
c. 8, 9, 15 hingga 19 Mac 2027 sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.
d. 18, 19 & 21 Mei 2027 (Selasa, Rabu & Jumaat) sempena cuti Hari Raya Aidiladha (17 Mei 2027), Hari Wesak (20 Mei 2027) dan Hari Hol Pahang (22 Mei 2027).

(vii) **Pendaftaran secara dalam talian bagi pelajar kanan Sesi 2025/2026 pada 26 September 2026.**

| | |
|---|---|
| | (viii) **tempoh masa add/drop kekal dua (2) minggu** bermula 28 September 2026 merujuk kepada Peraturan Akademik Program Asasi, Pra Diploma,Diploma dan Sarjana Muda semasa yang berkuatkuasa.<br><br>**Tindakan: i) JHEAA** |